

SUKNS.(S)100-1/8/3 KLT.3 (34)



KERAJAAN NEGERI SEMBILAN

SURAT EDARAN KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM

JPA(S)63/163 KLT.6(8)

**TUNTUTAN ELAUN BERPINDAH DARI RUMAH SEWA/ SENDIRI/
TUMPANGAN KE RUMAH YANG DIBELI MELALUI SKIM
PINJAMAN PERUMAHAN KERAJAAN DAN BERPINDAH RUMAH
ATAS KEADAAN DI LUAR KAWALAN**

LAMPIRAN 1 – SURAT EDARAN JPA(S)63/163 KLT.6(8)

**TARIKH KELULUSAN:
23 SEPTEMBER 2022**

LAMPIRAN 1



KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM
DIRECTOR-GENERAL OF PUBLIC SERVICE
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia
Public Service Department, Malaysia
Aras 13, Blok C1, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 W.P. PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel: 603-80008000
Faks (Fax): 603-88892187
Laman Web (Web): www.jpa.gov.my

Rujukan : JPA(S)63/163 Klt.6 (8)

Tarikh : 16 Ogos 2022

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Pihak Berkuasa Berkanun

Semua Pihak Berkuasa Tempatan

YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan,

**TUNTUTAN ELAUN BERPINDAH DARI RUMAH SEWA/ SENDIRI/
TUMPANGAN KE RUMAH YANG DIBELI MELALUI SKIM PINJAMAN
PERUMAHAN KERAJAAN DAN BERPINDAH RUMAH ATAS KEADAAN
DI LUAR KAWALAN**

Saya ingin menarik perhatian YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan kepada perkara di atas.

2. Sebagaimana YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan sedia maklum, Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 10 Tahun 1989 (SPP10/89): *Tuntutan Elaun-elaun Kerana Berpindah Dari Rumah Sewa/ Sendiri/ Tumpangan ke Rumah Yang Dibeli Melalui Skim Pinjaman Perumahan Khas dan Perpindahan Atas Keadaan di Luar Kawalan* menetapkan bahawa Ketua Jabatan boleh menimbang dan meluluskan tuntutan elaun berpindah rumah dalam stesen yang sama atau

satu lingkungan kawasan 33 kilometer dari tempat bertugas tertakluk kepada dua (2) keadaan seperti berikut:

- a) berpindah ke rumah yang dibeli melalui skim pinjaman perumahan Kerajaan; dan
- b) berpindah rumah atas keadaan di luar kawalan.

3. Bagi menambah baik pelaksanaan peraturan agar selaras dengan keperluan perkhidmatan semasa, Ketua Jabatan boleh menimbang dan meluluskan tuntutan elaun berpindah rumah disebabkan oleh dua (2) keadaan di atas **tanpa tertakluk kepada syarat berpindah rumah dalam stesen yang sama atau satu lingkungan kawasan 33 kilometer** dari tempat bertugas.

4. Dalam menimbang permohonan tuntutan pegawai, Ketua Jabatan hendaklah memastikan:

- a) rumah dibeli **melalui kemudahan pinjaman perumahan Kerajaan** dan pegawai hendaklah **mendiami rumah tersebut secara tetap**;
- b) pegawai berpindah rumah secara tetap dalam keadaan di luar kawalan seperti berikut:
 - i. **bencana alam** seperti banjir, tanah runtuh, kebakaran, rumah runtuh dan sebagainya; atau

- ii. **pengambilan balik tanah**, termasuk tapak rumah, oleh Kerajaan atau pihak lain yang dibenarkan oleh Kerajaan.
- c) Kemudahan tuntutan elaun berpindah ke rumah yang dibeli melalui skim pinjaman perumahan Kerajaan hanya **diberi sekali sepanjang tempoh perkhidmatan** pegawai; dan
- d) Tuntutan hendaklah dibuat dalam tempoh **tiga (3) bulan** selepas tarikh perpindahan dilakukan.

5. Perubahan syarat-syarat tuntutan elaun kerana berpindah ke rumah yang dibeli melalui skim pinjaman perumahan Kerajaan dan berpindah rumah atas keadaan di luar kawalan ini adalah berkuat kuasa mulai tarikh surat ini dikeluarkan. Dengan berkuat kuasanya surat ini, **SPP10/89 adalah dengan ini dibatalkan.**

6. Segala perhatian dan kerjasama YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan dalam melaksanakan dasar dan peraturan seperti mana perkara tersebut di atas amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' SRI MOHD SHAFIQ BIN ABDULLAH)